



UTeMEX 2012

KETENGAH PRODUK INOVASI BERPOTENSI TINGGI

22 Februari : Ekspo Pameran dan Pertandingan Produk Penyelidikan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeMEX 2012) yang berlangsung di Kampus Induk Durian Tunggal berjaya menampilkan pelbagai hasil inovatif yang mampu diketengahkan. Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui media berkata, sebanyak 220 produk inovasi dipertandingkan dalam empat kategori iaitu Teknologi Hijau, Interaksi Manusia-Teknologi, Teknologi Mendatang dan Kejuruteraan Sistem. Jelas beliau, UTeMEX 2012 menjadi platform untuk menilai kreativiti penyelidik, pelajar mahupun kakitangan bukan akademik universiti ini untuk menghasilkan produk unik yang boleh memberi impak terhadap alam sekitar, kehidupan harian serta menyumbang kepada perkembangan teknologi negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Hj. Fadillah Yusof yang hadir merasmikan UTeMEX 2012 memuji kesungguhan pihak universiti dalam menyuntik budaya inovasi di kalangan warganya. Katanya, inisiatif sebegini seharusnya dijadikan contoh oleh semua organisasi agar hasrat kerajaan untuk

memperkasakan dan membudayakan inovasi dalam diri rakyat Malaysia tercapai. Peserta pertandingan terdiri daripada penyelidik dan mahasiswa dari semua fakulti di UTeM. Manakala pihak juri yang dilantik terdiri daripada pensyarah-pensyarah kanan dan pakar-pakar industri dipertanggungjawabkan menilai potensi produk dari segi kebolegunaan, keupayaan serta nilai-nilai pengkomersialan. Selain pameran produk inovasi, pengunjung yang hadir ke Dewan Besar UTeM disajikan dengan pelbagai aktiviti antaranya menyaksikan demonstrasi robot serta berpeluang mencuba sendiri peralatan yang dicipta peserta. Kehadiran pelajar-pelajar sekolah menengah sekitar negeri Melaka menghangatkan lagi suasana apabila mereka begitu teruja dapat menyaksikan pertandingan inovasi berskala besar serta kesempatan bersemuka dengan penyelidik yang memberi tunjuk ajar dan dorongan untuk menceburi bidang sains dan teknologi.

Hadiah-hadiah berupa pingat dan sijil telah disampaikan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan. Sebanyak 30 produk inovasi telah dianugerahkan pingat emas dan seterusnya melayakkan diri untuk mewakili universiti ke pertandingan-pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

UTeMEX 2012
INOVASI PEMACU TRANSFORMASI



KANDUNGAN

UTeMEX 2012 Ketengah Produk Inovasi Berpotensi Tinggi | Naib Canselor Adakan Kunjungan Ke Pejabat TYT Tun Mohd Khalil Bentang Pencapaian 2011 | UTeM UMS Jayakan Penganjuran Imagine Cup 2012 | UTeM Perkasa Strategi Capai Matlamat Universiti Teknikal Terunggul | FPTT Berjaya Tarik Penyertaan Ahli Akademik Antarabangsa Sertai Persidangan Pengurusan Teknologi | FKE Rangka Jalinan Kerjasama Strategik Bersama Silterra Malaysia | Penyelidik Muda UTeM Menyinar Di MTE 2012 | Visa Education Kunjungi Pejabat Antarabangsa UTeM | Universiti Jerman Minat Jalin Kerjasama Tawar Program Sarjana Professional | Naib Canselor Adakan Lawatan Ke UPNM | Pusat Islam Anjur Forum Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H | Mahasiswa UTeM Eratkan Jalinan Antarabangsa Bersama Universiti Thailand | Pejabat HEPA Prihatin Aspek Keselamatan dan Harta Benda Pelajar | MPP Terima Kunjungan Muhibah Dari UPM | Pertandingan Sayembara Puisi Antara Kolej Kediaman Terima Sambutan Hangat | Pasukan Ragbi UTeM Pamer Aksi Memberangsangkan | FKM Mulakan Persiapan Awal Hadapi Cabaran Formula Varsity | PUSPANITA UTeM Terus Bergiat Aktif | Pusat Komputer Anjur Hari Kesihatan Pupuk Gaya Hidup Sihat | PINTAR SIRI 1 2012 Suntik Semangat Ke Arah Kecemerlangan Universiti | Perkahwinan | Aktiviti Berbasikal Lasak Jadi Gaya Hidup Cergas Warga UTeM | Personaliti Bulan Ini

Naib Canselor Adakan Kunjungan Ke Pejabat TYT Tun Mohd Khalil *Bentang Pencapaian 2011*



8 Februari : Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah mengadakan kunjungan ke pejabat Tuan Yang Terutama Tun Mohd Khalil Yaakob di Seri Negeri baru-baru ini.

Kunjungan tersebut bagi membentangkan pencapaian sepanjang tahun 2011 serta memperkenalkan pelantikan baru pengurusan tertinggi universiti kepada Tun Mohd Khalil yang juga Canselor UTeM.

Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui berkata, idea serta saranan daripada Tun Canselor telah menjadikan universiti ini semakin berkembang pesat dan mencapai kejayaan demi kejayaan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa sepanjang tahun lepas.

"Justeru, seluruh warga universiti amat menyanjung tinggi dan berbangga dinaungi oleh Canselor yang sangat prihatin dan sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan semasa UTeM", jelas Dr. Ahmad Yusoff lagi.

Dalam kunjungan tersebut, pelantikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Mohamad Kadim Suaidi serta Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor diperkenalkan kepada Tun Mohd Khalil. Turut diperkenalkan dalam kunjungan tersebut Omar Shariff Mydeen, ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang baru dilantik.



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad

Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang

Zaffaruddin Bin Hamzah

Shahril Hazizi Bin Abu Bakar

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh

Nurulidayu Binti Talib

Mohd Farid Bin Supangi

Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib

Mohammad Taufik Bin Osman



UTeM Perkasa Strategi Capai Matlamat Universiti Teknikal Terunggul

28 Februari : Pra Bengkel Pelan Strategik UTeM 2012-2020 telah diadakan bagi memperkemas hala tuju universiti dengan menghimpunkan pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan untuk membentuk formula mampan ke arah matlamat tersebut.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, bengkel yang dianjurkan bertujuan untuk meneruskan pencapaian gemilang universiti di peringkat global berpaksikan inisiatif strategik di semua jabatan," katanya.


Jelasnya lagi, UTeM akan meluaskan jaringan kerjasama dengan pelbagai institusi mahupun industri berteknologi tinggi agar pembangunan penyelidikan dan inovasi dapat dipertingkatkan seterusnya menyumbang kepada kemajuan negara.

Katanya, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang pesat akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam melahirkan graduan berkompentensi tinggi.

Sepanjang dua hari bengkel berlangsung, beberapa pembentangan telah disampaikan oleh pegawai-pegawai kanan universiti dengan mengkaji dan melihat trend semasa universiti-universiti terbaik dunia di samping mengambil contoh beberapa universiti terbaik Asia.

Sesi pembentangan tersebut berjaya memberi input positif kepada semua peserta bengkel dan melalui perbincangan yang diadakan, satu draf awal pelan strategik berjaya dirangka untuk diteliti oleh pihak yang terlibat.

UTeM & UMS Jalin Kerjasama Anjur Imagine Cup 2012



17 Februari : UTeM menjalinkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menjayakan penganjuran Pertandingan Imagine Cup 2012 yang akan berlangsung pada 16 hingga 17 Mei di Kota Kinabalu, Sabah.

Kesepakatan ini telah dinyatakan oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon sewaktu kunjungan hormat Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, merangkap Pengerusi Pertandingan Imagine Cup peringkat kebangsaan ke UMS baru-baru ini.

Dr Ahmad Yusoff berkata, perkongsian strategik antara UTeM dan UMS merupakan satu sinergi yang cukup hebat dalam merealisasikan satu program yang berimpak besar bukan hanya di peringkat nasional malahan di peringkat antarabangsa.

Pertandingan Imagine Cup 2012 di Kota Kinabalu, Sabah akan bakal menyaksikan kehebatan dan kreativiti para pelajar IPT mencipta perisian baru bagi membantu menyelesaikan permasalahan dan isu global yang kian bertambah.

imagine cup MALAYSIA 2012

"Imagine Cup, Aramai Ti Bah!"

FPTT Berjaya Tarik Penyertaan Ahli Akademik Antarabangsa Sertai Persidangan Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

7 Februari : Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) berjaya menarik penyertaan pakar-pakar teknologi dan ahli akademik pada Persidangan Antarabangsa Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan 2012 (IC-TMT 2012) yang berakhir hari ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Dekan FPTT selaku Pengerusi Penganjur IC-TMT 2012, Prof. Madya Dr. Md Nor Hayati Tahir yang ditemui di Dewan Konvensyen, Kampus Bandar UTeM di Bandaraya Melaka.

Bertemakan "Interaksi Manusia dan Teknologi" persidangan itu menjadi platform unggul dalam perkongsian ilmu ahli-ahli akademik antarabangsa meliputi bidang pengurusan sumber manusia, pengurusan strategik, perdagangan antarabangsa, kajian organisasi serta keusahawanan, jelas Dr. Md. Nor Hayati.

Jelasnya lagi sebanyak 45 kertas kerja dari enam buah negara telah dibentangkan pada persidangan tersebut dan maklumbalas yang diterima daripada peserta untuk penganjuran berikutnya sangat positif. Antara negara yang mengambil bahagian terdiri daripada India, Iran, Indonesia, Poland serta tidak ketinggalan penyertaan daripada universiti-universiti tempatan.

Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi serta Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor serta pegawai-pegawai kanan universiti.

FKE rangka JALINAN KERJASAMA STRATEGIK bersama SILTERRA MALAYSIA

9 Februari : Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) kini dalam proses merangka jalinan kerjasama strategik bersama salah sebuah syarikat multinasional Silterra (M) Sdn Bhd.

Satu lawatan rasmi wakil FKE yang diketuai oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Ir. Mohd Nazri Othman bersama Ketua Jabatan serta beberapa orang pensyarah dari Jabatan Kawalan Instrumentasi & Automasi telah melawat Silterra bagi merealisasikan hasrat berkenaan.

Menurut Ir. Mohd Nazri berkata, fokus utama kerjasama itu tertumpu ke arah memperkasakan lagi bidang pendidikan, penyelidikan dan inovasi dalam konteks kejuruteraan elektrik dan bidang-bidang tumpuannya.

Tambah beliau, lawatan sehari ke Silterra memberi makna besar kepada UTeM dan syarikat ini dengan rancangan pemetraian menandatangani memorandum persefahaman (MoA) bakal diadakan pada hujung Mac ini.

Antara pengisian sesi lawatan tersebut ialah taklimat serta penerangan berhubung latar belakang, pencapaian semasa syarikat oleh Tahiruddin Hamdan, Pengarah Kanan Pembangunan Korporat dan Hubungan Luar Silterra.

Seterusnya mereka turut dibawa melawat ke Wafer Silicon Production Area serta mendapat penerangan mengenai Fabrication Process Tour di samping penjelasan



PENYELIDIK MUDA UTeM MENYINAR DI MTE 2012

18 Februari : Malaysia Technology Expo 2012 (MTE 2012) yang telah memasuki tahun ke-11 penganjurannya oleh Malaysian Association Of Research Scientists (MARS) menjadi medan unggul mempamerkan kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi.

Penganjuran yang mendapat sokongan kuat daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian pengajian Tinggi (KPT) telah disertai oleh IPTA dan IPTS, institusi penyelidikan, syarikat-syarikat korporat dan juga Industri dari dalam dan luar negara.

UTeM turut menghantar sebanyak 20 produk penyelidikan yang telah disaring di peringkat fakulti untuk bertanding dalam beberapa kategori antaranya telekomunikasi, elektronik dan mekanikal.

Kesemua 20 projek penyelidikan yang dihantar menyertai MTE 2012 berjaya memenangi pingat iaitu 9 perak dan 11 gangsa. Prestasi yang memberangsangkan itu membakar semangat para penyelidik UTeM untuk terus berusaha keras meningkatkan pencapaian di masa akan datang.

Visa Education Kunjungi Pejabat Antarabangsa UTeM

24 Februari : Pejabat Antarabangsa hari ini menerima kunjungan Visa Education yang berpangkalan di Jordan untuk membincangkan peluang kerjasama dalam meningkatkan bilangan pelajar dari negara itu.

Ketibaan Pengarah Visa Education, Zaid Ootom telah disambut oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa Prof. Dr. Nanna Suryana Herman dan seterusnya mengadakan taklimat pengenalan organisasi masing-masing.

Dalam perbincangan itu, Visa Education berhasrat untuk menjadi Pusat Perkhidmatan Pelajar atau lebih dikenali sebagai "Student Gateway Centre" di Jordan bagi urusan permohonan masuk ke UTeM.

Dengan adanya pusat berkenaan, maka UTeM akan dapat dipromosikan dengan lebih kerap dan berkesan seterusnya meningkatkan kemasukan pelajar dari negara tersebut. Prof. Dr. Nanna menyambut baik cadangan itu dan perbincangan lanjut akan dilaksanakan dalam masa terdekat.



NAIB CANSELOR ADAKAN LAWATAN ke UPNM

28 Februari : Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan hari ini mengadakan lawatan ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bagi meninjau kemudahan mahasiswa yang terdapat di universiti itu.

Hadir sama menyertai lawatan ke UPNM, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin, Penolong Naib Canselor (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman serta Pengarah Pejabat Pembangunan Abdul Wahab Harun.

Ketibaan Dr. Ahmad Yusoff telah disambut oleh Naib Canselor UPNM serta pegawai-pegawai kanan yang terlibat dalam pengurusan kemudahan mahasiswa. Satu sesi perbincangan telah dijalankan untuk bertukar-tukar fikiran di samping berkongsi pengalaman antara kedua-dua universiti dalam hal berkaitan pembangunan kampus. Rombongan UTeM kemudiannya dibawa melawat ke sekitar kampus UPNM untuk meninjau kemudahan seperti kafeteria serta asrama pelajar.



Pusat Islam Anjur Forum Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H

22 Februari : Pusat Islam UTeM telah menganjurkan forum sempena Sambutan Maulidur Rasul bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk Durian Tunggal.

Forum itu menampilkan ahli-ahli panel dikenali ramai seperti Dr Zahazan Mohamed yang merupakan penyampai kuliah tafsir Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM FM) serta Ustaz Hazran Ahmad Kamal, program Imam Muda Astro.

Manakala moderator bagi forum ini ialah Ustaz Mohamad Fauzi Mustafa yang merupakan moderator program Al-Kulliyah yang disiarkan di TV3.

Forum yang dianjurkan mengupas dengan lebih lanjut berhubung topik 'Cinta Rasul Ummah Unggul' yang mengajak hadirin mengikuti keperibadian dan kehebatan Rasulullah SAW.



UNIVERSITI JERMAN MINAT JALIN KERJASAMA TAWAR PROGRAM SARJANA PROFESIONAL

29 Februari : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi hari ini menerima kunjungan dari University of Applied Sciences Landshut, Jerman.

Kunjungan tersebut adalah untuk merangka perjanjian melibatkan penawaran program sarjana profesional dalam bidang elektronik. Melalui cadangan yang diusulkan, pelajar sarjana yang mengikuti program tersebut akan ditempatkan selama 1 semester di UTeM, 1 semester di Landshut dan 1 semester lagi bersama industri.

Konsep yang diterapkan dalam program ini menjurus kepada mobiliti pelajar dan secara tidak langsung memberi pendedahan bertaraf global kepada peserta program. Turut serta dalam perbincangan tersebut ialah rakan strategik UTeM, Infineon Technologies yang menyambut baik usul yang dicadangkan oleh universiti dari Jerman itu.



Mahasiswa UTeM Eratkan Jalinan Antarabangsa Bersama *Universiti Thailand*

5 Februari: Seramai 22 orang pelajar yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pemimpin Pelajar dan 5 orang UTeM telah mengadakan lawatan jalinan kerjasama universiti serantau ke Prince of Songkhla University (PSU) Thailand.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Haji Ismail Abdol Jalil yang mengetuai delegasi UTeM berkata, antara objektif program ini pada dasarnya membuka lembaran jalinan ikatan serantau bagi mengeratkan hubungan kedua-dua universiti di samping membuka ruang lebih luas dalam menjayakan sebarang program berbentuk kerjasama pada masa akan datang, mewujudkan hubungan dengan penekanan sistem pembelajaran dalam perancangan sukan dan persekitaran pelaksanaan persatuan.

PSU dipilih kerana ia merupakan universiti yang tertua di selatan Thailand Selatan yang mempunyai empat buah kampus yang menawarkan pelbagai program pengajian yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat.

Turut diadakan ialah perlawanan futsal bersama pelajar PSU. Delegasi UTeM juga sempat melawat Stadium Songkhla dan melihat kemudahan infrastruktur yang sedia ada di sana yang telah melahirkan ramai pemain berkaliber yang bermain dalam Divisyen 1 Liga Thailand.



Pejabat HEPA Prihatin Aspek Keselamatan dan Harta Benda Pelajar

16 Februari: Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), terus menitikberatkan aspek keselamatan dalam penjagaan harta benda dalam kalangan pelajar universiti ini.

Selari dengan itu Pejabat HEPA dengan kerjasama Kolej Kediaman Emerald (KKE), Bukit Beruang terus mengorak langkah dengan menganjurkan majlis Taklimat Keselamatan, Disiplin, Peraturan serta Tatatertib Kolej Kediaman di KKE hari ini.

Taklimat dihadiri oleh Pengetua KKE, Kamarul Amir Mohamed, Penolong Pendaftar Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform, Haji Razali Abdol Jalil, Penolong Pendaftar, Unit Aktiviti Pelajar Mohd Yazli Mohamed Rahis, Felo-felo dan seramai hampir 200 orang pelajar diploma kolej kediaman itu.

Menurut Kamarul Amir Mohamed, taklimat diadakan bagi memberi maklumat terkini tentang keselamatan harta benda pelajar dan memberi penerangan berkenaan implikasi pelanggaran disiplin.

Jelas beliau, langkah-langkah mengelakkan kes-kes kecurian melibatkan harta benda pelajar di asrama terutamanya kehilangan komputer riba, telefon bimbit dan barangan peribadi lain telah dikongsi bersama penghuni KKE.



MPP terima Kunjungan Muhibah Dari *UPM*

7 Februari: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM telah menerima kunjungan muhibah seramai 16 orang ahli MPP Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Rombongan MPP UPM diketuai oleh Yang diPertua (YDP) Ismat Nordin dan disambut oleh Ahli Jawatankuasa MPP UTeM yang diketuai oleh Nur Sufiah Akmala Ramadan di Pusat Persatuan Pelajar (PPP), Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut YDP MPP UPM, tujuan lawatan ini adalah bagi mengeratkan lagi hubungan siraturahim, bertukar-tukar pandangan dan pengalaman antara kedua-dua MPP dari dua buah universiti yang berbeza.

Di samping itu lawatan ini juga sebagai satu platform antara kedua-dua belah pihak dalam membentuk kerjasama dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program yang boleh memberi manfaat besar.

Antara pengisian bagi program ini, mereka turut diberi taklimat mengenai latar belakang UTeM serta peranan dan fungsi pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) yang menjadi tunjang dalam pengurusan pelajar di sini. Turut hadir beberapa orang pemimpin kelab dan persatuan pelajar di UTeM.

Peserta lawatan telah dibawa melawat ke beberapa buah fakulti di universiti ini, Pusat Persatuan Pelajar serta sekitar kampus UTeM dengan berbasikal.



Pertandingan Sayembara Puisi Antara Kolej Kediaman *Terima Sambutan Hangat*

29 Februari: Pejabat HEPA mencungkil bakat berpuisi dalam kalangan mahasiswa menerusi Pertandingan Sayembara Puisi Antara Kolej Kediaman yang telah diadakan di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk.

Johan pertandingan ini menjadi milik Amalina Zainal dari Kolej Kediaman Pulau Gadong, beliau merupakan pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah menyampaikan sajak bertajuk "Berjalan di Bumi Merdeka" dan memenangi wang tunai sebanyak RM150.00 dan sijil penghargaan.

Tempat kedua dimenangi oleh Mohamad Afiq Rehat juga dari FPTT dan dari Kolej Kediaman Bertam Perdana dengan tajuk sajak "Mahasiswa Tanpa Dadah, Tunjang Kemajuan Negara" dengan memenangi wang tunai RM100.00 dan sijil penghargaan.

Manakala tempat ketiga dimenangi pula telah dimenangi oleh pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dari Kolej Kediaman Taman Tasik Utama 3 dengan tajuk sajak "Perjuangan Mahasiswa Mahasiswi" memenangi wang tunai sebanyak RM80.00 dan sijil penghargaan.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pegawai Kebudayaan UTeM, Amir Ali. Turut hadir pegawai-pegawai dari HEPA dan hampir 100 orang mahasiswa UTeM yang tampil memberi sokongan.



PASUKAN RAGBI UTeM *Pamer Aksi Memberangsangkan*

26 Februari: Pasukan Ragbi UTeM yang menyertai Kejohanan Ragbi 7 Sebelah Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Siri 1 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mempamerkan prestasi memberangsangkan sepanjang saingan berlangsung.

Bermain di peringkat kumpulan, pasukan UTeM berjaya menjadi naib johan setelah mengeneipkan cabaran Universiti Sains Malaysia (USM) dengan mata 12-5. Kemenangan itu melayakkan UTeM mara ke suku akhir bertemu Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Saingan di peringkat suku akhir nyata menyebelahi UiTM apabila menewaskan UTeM namun pasukan universiti tetap mara ke peringkat separuh akhir kategori plate untuk menghadapi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Kemahiran tinggi yang dipersembahkan pasukan UTeM pada perlawanan menentang UPNM berjaya menggagalkan kubu lawan di awal babak pertama. UPNM yang bangkit pada babak seterusnya berjaya mengatasi UTeM hingga ke wisel penamat.

Bagi penyelaras Sukan Ragbi UTeM, Razali Yaakob berkata, prestasi anak buahnya pada ketika ini amat baik dan persiapan rapi sedang dijalankan bagi menghadapi kejohanan siri seterusnya.



FKM Mulakan Persiapan Awal Hadapi Cabaran **FORMULA VARSITY**

Bahang perlumbaan kereta antara institusi pengajian tinggi (IPT) yang dikenali sebagai Formula Varsity (FV) kini mula terasa. UTeM selaku tuan rumah penganturan edisi keempat tahun ini memulakan langkah sulung dalam menyediakan satu pasukan mantap bagi menghadapi saingan.

Seramai 15 orang pelajar tahun 1 dan 2 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah diumumkan bagi menyahut cabaran Formula Varsity 2012. Senarai tersebut diumumkan oleh Pengarah Program FV UTeM, Dr Musthafah Mohd Tahir, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Automotif FKM.

Menurut beliau, beberapa proses pemilihan telah dijalankan seperti temuduga, ujian kemahiran teknikal dan komunikasi. Pemilihan tersebut penting bagi menyediakan sebuah pasukan yang berwibawa kerana pembangunan kereta dan jentera untuk perlumbaan dilakukan sepenuhnya oleh pelajar, jelas Dr. Musthafah.

Malah, prestasi akademik yang cemerlang turut diambil kira sebagai salah satu syarat menganggotai pasukan Formula Varsity UTeM, tambah beliau lagi.



PUSPANITA UTeM Terus Bergiat Aktif Anjur Forum Teknologi Maklumat & Komunikasi

15 Februari: Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) UTeM terus bergerak aktif dalam melaksanakan aktiviti dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan ahli-ahlinya.

Sehubungan itu PUSPANITA Cawangan UTeM menerusi Biro Pendidikan dan Penyelidikan telah menganjurkan sebuah forum bertajuk 'Wanita Dalam Menangani Dilema Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi'.

Menurut Pengerusi PUSPANITA Cawangan UTeM, Datin Sara Ayub berkata, penganjuran forum bertujuan memberi panduan serta kesedaran kepada golongan wanita serta penyelesaian terhadap permasalahan ataupun sebarang isu berkaitan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Kata beliau, topik itu dikupas secara mendalam menerusi pentas forum bagi meningkatkan kesedaran ancaman penyalahgunaan internet terhadap wanita dalam era moden.

Prof Madya Dr. Rabiah Ahmad yang merupakan pakar dalam bidang teknologi maklumat dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah diundang sebagai ahli panel di samping beberapa orang ahli panel yang lain.

Pusat Komputer Anjur Hari Kesihatan Pupuk Gaya Hidup Sihat

13 Februari: Pusat Komputer telah menganjurkan Hari Kesihatan dalam usaha meningkatkan kesedaran kakitangannya kepentingan kesejahteraan sepanjang hayat baru-baru ini.

Program ini dijadikan sebagai acara tahunan oleh Pusat Komputer dalam mencorak budaya hidup sihat dalam kalangan kakitangannya. Turut serta menjayakan program ini adalah Pakar Pemakanan dari Pusat Perubatan Mahkota Melaka dan Klinik UTeM.

Menurut Pengarah Pusat Komputer, Mohd Isa Mohd Dom berkata, objektif program ini adalah sebagai kempen kesedaran kepada staf akan kepentingan menjaga kesihatan di usia muda serta konsep penjagaan kesihatan yang sepatutnya diamalkan.

Sikap ambil mudah individu dalam menjaga kesihatan membuatkan mereka lupa bahawa mereka sebenarnya berisiko kepada pelbagai ancaman penyakit senyap yang akhirnya menyumbang kepada pelbagai isu-isu lain yang bersangkutan seperti masalah kewangan dan prestasi kerja yang merosot, katanya.

Tambah beliau, beban kerja di pejabat bukanlah alasan untuk setiap individu alpa akan risiko penyakit, selain itu, kesihatan seseorang tidak bergantung semata-mata kepada keadaan luaran fizikal semata-mata, sebaliknya pengabaian penjagaan organ dalaman sebenarnya lebih berbahaya kerana ia memerlukan pemerhatian dan rujukan pakar.



PINTAR SIRI 1 2012 SUNTIK SEMANGAT KE ARAH KECEMERLANGAN UNIVERSITI

12 Februari: Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) Siri 1/2012 yang telah diadakan di Port Dickson menyaksikan penyertaan warga universiti dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ). Program anjuran Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah dilaksanakan dengan jayanya serta mencapai objektif yang dirancang.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah menyempurnakan majlis pembukaan program tersebut yang mensasarkan matlamat melahirkan warga UTeM yang berfikir strategik, kreatif, semangat berpasukan dan memiliki sifat terpuji.

Sepanjang tiga hari program berlangsung, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang mampu memberi dimensi baru dalam menjalankan tugas harian. Aktiviti berkumpul sama ada indoor dan outdoor telah menyemarakkan semangat kerjasama yang tinggi di kalangan peserta. Turut diadakan aktiviti kerohanian yang dipimpin oleh Ustaz Long bin Kechik.



Perkahwinan Februari 2012

Berita@UTeM mengucapkan
Selamat Pengantin Baru
kepada pasangan berikut yang telah
melansungkan perkahwinan baru-baru ini

**Radhi & Fara >>>
12.02.12**

Khairul Fakhru Radhi Bin Borhan dari
Pejabat Perancangan & Komunikasi Korporat
bersama pasangannya
Noor Faraliza Binti Maulana



Personaliti Pilihan



KHAIRUL RAZIK BIN MOHAMAD ISA
PENOLONG PENDAFTAR
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Berasal dari Jasin Melaka, Khairul Razik memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2008 dan ditempatkan di Bahagian Dasar dan Kualiti, Pejabat Pendaftar. Beliau seterusnya berkhidmat di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pada tahun 2010 hingga ke hari ini.

Seorang yang kaya dengan senyuman, beliau yang lebih mesra dengan panggilan Razik sering terpilih untuk menganggotai jawatankuasa penganjuran majlis-majlis rasmi universiti. Beliau pernah dilantik menyertai jawatankuasa penganjuran German Day, Imagine Cup, Majlis Konvokesyen serta Minggu Haluan Siswa.

Komitmennya yang tinggi terhadap tugas yang diamanahkan amat disanjung tinggi. Razik kini menggalas tugas selaku Bendahari PRAKTIS di samping terlibat secara langsung di dalam penubuhan Taska UTeM. Kesungguhan beliau melaksanakan tanggungjawab serta penglibatan aktif dalam pelbagai persatuan dan kelab menjadikannya penerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi tahun 2010.



AIDA BINTI SALLEH
PENOLONG PENDAFTAR
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (CRIM)

Mula berkhidmat di UTeM pada 31 Mac 2008 dan ditempatkan di Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat, Canselor. Seterusnya pada tahun 2009 beliau ditempatkan di Pusat Komputer untuk mengetuai Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia dan Jabatan Latihan di sana.

Seorang yang kreatif dan sentiasa fokus, Aida bekerjasama dengan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) mengendalikan kursus literasi ICT kepada staf UTeM sepanjang tahun. Beliau turut terlibat melaksanakan aktiviti pemasaran bagi kursus dan sewaan ruang kemudahan latihan Pusat Komputer kepada agensi-agensi sekitar negeri ini.

Kini Aida ditempatkan di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM). Selain tugas di pejabat, Aida turut menyumbang khidmat bakti sebagai Felo di Kolej Kediaman Bunga Raya. Bagi dirinya, kejayaan mengembangkan Jabatan Latihan Pusat Komputer kepada agensi-agensi kerajaan di Melaka menerusi latihan ICT serta penganjuran Program Khidmat Masyarakat (Kem ICT) dan peningkatan sewaan ruang melalui pelbagai kaedah promosi dan pemasaran merupakan kenangan manis buat dirinya.



Aktiviti Berbasikal Lasak ***Jadi Gaya Hidup Cergas Warga UTeM***

23 Februari: Kawasan kampus yang berbukit dan terpelihara alam semulajadinya memberi kelebihan kepada warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk menjalankan aktiviti berbasikal lasak atau lebih dikenali sebagai mountain biking.

Seiring dengan peningkatan populariti sukan lasak itu di negara ini, warga UTeM yang terdiri daripada staf dan pelajar tidak ketinggalan mengadakan aktiviti kayuhan di sekitar Kampus Induk, Durian Tunggal setiap minggu.

Pada setiap hari Khamis selepas waktu bekerja, perkarangan Stadium UTeM akan dipenuhi dengan penggemar basikal lasak yang berkumpul sebelum memulakan kayuhan. Bagi yang tidak memiliki basikal, Pusat Sukan turut menyediakan pinjaman basikal beserta peralatan keselamatan seperti helmet.

Salah seorang pelajar yang ditemui, Muhammad Norfirdaus Isa dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) berkata, kemudahan pinjaman basikal percuma telah menarik minat saya sebagai mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah dan pada masa yang sama membentuk gaya hidup cergas. Aktiviti sebegini wajar diteruskan dan sokongan pihak universiti untuk memajukan sukan basikal lasak amat dihargai.

Manakala bagi Pengajar ko-Kurikulum Basikal Lasak, Khairul Niza Yahya pula berpendapat, peningkatan peminat basikal lasak di UTeM merupakan perkembangan baik dalam menyemarakkan budaya gaya hidup cergas di kalangan warga universiti.

Jelasnya lagi, trek semulajadi di dusun UTeM sangat sesuai untuk aktiviti basikal lasak kerana ianya dapat menguji kemahiran, mental dan fizikal penunggang.

Justeru, kumpulan penggiat basikal lasak mengalu-alukan penyertaan daripada warga UTeM dan berharap kayuhan dapat dilaksanakan dengan lebih kerap dan lebih jauh melalui trek berbukit di dalam kampus.

